

Headline	Media massa berperanan bentuk mentaliti pembaca		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	22 Feb 2017	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	27
Section	Dlm Negeri	Journalist	N/A
ArticleSize	384 cm ²		
PR Value	RM 22,977		



Media massa berperanan bentuk mentaliti pembaca

MELAKA 21 Feb. - Media bukan sahaja berperanan menyalurkan maklumat kepada pembaca malah mempunyai tugas lebih mencabar iaitu perlu membentuk mentaliti serta kefahaman masyarakat yang menerima maklumat berkenaan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, peranan yang dimainkan pengamal media termasuk media cetak dan elektronik memberi impak besar kepada negeri itu dalam membantu kerajaan membina hubungan baik dengan masyarakat selain mengubah persepsi kurang baik kepada yang lebih baik.

"Saya akui kerjaya media atau wartawan itu perlu dilihat sebagai satu tugas yang bernilai tinggi atas penulisan mereka yang diperoleh daripada sumber yang sahih untuk perkongsian dengan masyarakat," katanya ketika berucap merasmikan Malam Anugerah Media Melaka 2017 di sebuah hotel di sini malam tadi.

Majlis yang julung kali dianjurkan kerajaan negeri dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu turut dihadiri Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Othman Muhamad; Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Pengurus Jawatankuasa Komunikasi dan Koperasi negeri, Datuk Latiff Tamby Chik.

Idris berkata, penganjuran majlis tersebut bertujuan mengiktiraf usaha dan peranan yang dimainkan pengamal media di negeri ini dalam melaksanakan pelbagai amanah serta tanggungjawab.

Sementara itu, Kumpulan Utusan memenangi kategori Laporan Berita Terbaik (Bahasa Melayu) yang dipertandingkan menerusi laporan berita bertajuk *Tarik pelancong, pelabur ke Melaka* oleh Ketua Biro Utusan Malaysia Cawangan Melaka, Suffian Abu Bakar.

Kemenangan itu melayakkannya

beliau membawa pulang hadiah berupa wang tunai, trofi serta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Idris.

Kategori sama bagi berita bahasa Inggeris dimenangi oleh R.S.N Murali (*The Star*), bahasa Cina dimenangi Miki Ngui (*Oriental Daily*) manakala wartawan Tamil Nesan, A. Kaviarasu memenangi Laporan Berita Terbaik bahasa Tamil.

Sementara itu, beberapa kategori lain turut dipertandingkan sempena majlis berkenaan termasuk Anugerah Penulisan Rencana Terbaik, Anugerah Foto Terbaik, Anugerah Wartawan Terbaik, Anugerah Khas Sukan, Anugerah Khidmat Lama dan Anugerah Khas Ketua Menteri.

Majlis bertemakan *Rock and Roll* itu turut dimeriahkan dengan cabutan nama bertuah selain persembahan nyanyian oleh pengamal media dan Idris sendiri sambil diiringi Kombo Briged Seni Melaka.



IDRIS HARON (berdiri, tujuh dari kiri) bergambar bersama penerima anugerah dari pelbagai kategori media pada Malam Media Melaka 2017, di Melaka, malam kelmarin. Turut kelihatan Suffian Abu Bakar (berdiri, dua dari kanan). - UTUSAN/AZLI AHAD